

Pengaruh Berita Palsu Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) di Media Sosial Terhadap Landskap Politik Malaysia

DZULPADZLI SHAARIN

SITY DAUD

NORMAH MUSTAFFA*

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) mencatat sejarah politik Malaysia apabila kerajaan Barisan Nasional (BN), yang memerintah sejak 1957, mengalami kekalahan mengejut kepada Pakatan Harapan (PH). Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada perubahan ini ialah penyebaran berita palsu melalui media sosial, yang memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi rakyat serta mempengaruhi tingkah laku pengundi. Artikel ini bertujuan menganalisis pengaruh berita palsu semasa PRU-14 di media sosial dalam mengubah landskap politik Malaysia. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema berita palsu dan mengkaji kecenderungan berita palsu di media sosial melalui rujukan di laman web Sebenarnya.my semasa PRU-14. Kajian ini berasaskan Teori Pembungkahan melalui konsep Pembungkahan Media yang diperkenalkan oleh McCombs dan Shaw (1972) bagi menganalisis tema berita palsu yang digunakan dalam membentuk landskap politik serta mempengaruhi persepsi dan tingkah laku pengundi. Selain itu, kaedah temu bual dijalankan bersama informan yang dipilih berdasarkan kepakaran dan kedudukan mereka terdiri daripada pegawai kerajaan, penguatkuasa, ahli akademik, pengundi dan tentera siber bagi menyokong dapatan kajian. Data kajian ini seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian mengenal pasti empat tema utama dalam penyebaran berita palsu, iaitu isu keselamatan dan ketenteraman awam, kestabilan politik, kestabilan ekonomi, serta tadbir urus. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa kandungan berita palsu semasa PRU-14 cenderung memfokuskan kepada krisis politik semasa, mencetuskan provokasi sosial dalam kalangan masyarakat, serta menimbulkan salah faham terhadap sistem ekonomi. Penyebaran berita palsu telah menjejaskan persepsi masyarakat terhadap kerajaan yang memerintah, sekali gus mencetuskan perubahan dalam landskap politik negara.

Kata kunci: *Berita palsu, Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Media sosial, Teori Pembungkahan, Landskap politik Malaysia.*

The Influence of Fake News on Social Media During the 14th General Election (GE-14) on Malaysia's Political Landscape

ABSTRACT

The 14th General Election (GE-14) marked a significant shift in Malaysian politics when the Barisan Nasional (BN) government, which had ruled since 1957, suffered an unexpected defeat to Pakatan Harapan (PH). One of the key factors contributing to this political transition was the spread of fake news on social media, which played a crucial role in shaping public perception and influencing voter behaviour. Platforms such as Facebook, Twitter, YouTube, news portals, and blogs became the primary channels through which politically motivated fake news was disseminated to gain public attention and electoral support. This study aims to analyse the impact of fake news during GE-14 on

*Penulis koresponding: normahm@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-13>

Diterima: 11 Mac 2025 | Diperakukan: 11 Mac 2025 | Diterbitkan: 30 Mac 2025

Malaysia's political landscape using Framing Theory, particularly the Media Framing concept introduced by McCombs and Shaw (1972). Content analysis was conducted to identify fake news themes and examine their dissemination trends on social media, with references from *Sebenarnya.my*. Additionally, in-depth interviews were conducted with selected informants, including government officials, law enforcement officers, academics, voters, and cyber troopers, to support the findings. The collected data was analysed using thematic analysis. Findings identified four key themes in fake news dissemination: public safety and security, political stability, economic stability, and governance. Fake news during GE-14 primarily framed political crises, social provocations, and economic misperceptions, ultimately influencing public distrust in the ruling government and reshaping the nation's political landscape.

Keywords: *Fake news, general election, social media, political landscape, framing theory.*

PENGENALAN

Dalam era globalisasi, penyebaran maklumat telah menjadi mudah dengan kewujudan pelbagai platform digital serba baharu dan canggih. Ianya telah membentuk suatu cara berkomunikasi dan penyebaran maklumat dengan jangkauan global yang pantas. Di samping wujudnya kecanggihan sistem komunikasi moden, terdapat perubahan ketara dalam penyampaian maklumat berkaitan politik di seluruh negara terutamanya semasa berlangsungnya suatu tempoh pilihan raya (Sohana, 2016). Menyedari rakyat lebih gemar mendapatkan maklumat utama daripada media sosial untuk membuat sebarang keputusan semasa pilihan raya, parti-parti politik telah mula menjalankan strategi berkempen melalui platform media sosial antaranya seperti Facebook, Instagram, portal berita dan blog (Mohd Azizuddin, 2014). Hal ini dapat dilihat dengan jelas semasa Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2016 dan Pilihan Raya Presiden Rusia 2018 yang berlangsung dengan kebangkitan isu berkaitan penyebaran berita mengelirukan dan belum disahkan kesahihannya. Ianya bertujuan untuk menjatuhkan individu dan parti politik yang bertanding. Pelbagai spekulasi dan teori dikeluarkan semasa tempoh berkempen untuk meraih perhatian pengundi terhadap sesuatu isu (Allcott, 2017). Menurut Gomez (2014), dalam kempen pilihan raya misalnya, para pengkritik mengeluarkan hujah masing-masing bagi menegakkan kebenaran di samping membangkitkan isu bagi memburuk-burukkan parti yang bertanding. Ianya bertujuan menimbulkan suatu persepsi yang negatif terhadap parti lawan. Apabila rakyat sentiasa mendengar berita-berita tersebut di media sosial, ianya sudah menjadi seakan-akan benar dan mudah dipercayai. Ia sebenarnya boleh mempengaruhi tindakan rakyat dalam membuat keputusan memilih pucuk pimpinan negara (Ariestyani, 2019).

Tidak terkecuali di Malaysia juga, media sosial turut menjadi pengantara yang penting dalam interaksi antara individu, organisasi dan rakyat. Penggunaan media sosial secara terbuka telah membenarkan sesiapa sahaja untuk mengutarakan pandangan terhadap kerajaan. Pelbagai cara boleh digunakan rakyat untuk sama-sama memberi pandangan dalam membangunkan negara (Mohd Azizuddin, 2018). Dalam pada itu tidak dinafikan ada pihak yang mengambil kesempatan menggunakan peluang untuk kepentingan politik. Setiap maklumat yang disampaikan berkemungkinan telah dimanipulasi oleh pihak-pihak berkepentingan dan boleh mengancam kestabilan kerajaan (Mahyuddin & Sonny, 2018). Maklumat ini digunakan untuk memberikan persepsi negatif dan menonjolkan ketidakcekapan dalam urus tadbir politik di Malaysia. Selain itu, memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, ada juga pihak yang memainkan isu perkauman di media sosial bagi meraih sokongan sesuatu kaum. Bagi golongan populis pula ada yang mengambil kesempatan dengan membangkitkan isu-isu yang menjadi kesukaan rakyat demi

meraih sokongan kepada individu dan parti politik sendiri (Jervis, 1976). Janji-janji popular yang diuar-uarkan di media sosial kadangkala memberikan pelbagai persepsi kepada rakyat dan ada antaranya adalah perkara yang tidak jelas kebenarannya dan ada juga yang jelas palsu (Adnan, 2015). Selain itu, kewujudan portal berita dalam talian juga semakin popular, antaranya Malaysiakini, Malaysian Insider, Merdeka Review, Free Malaysia Today, The Nut Graph dan blog Malaysia Chronicle (Adibah, 2020). Semua portal berita ini terus memberi ruang untuk penulis membuat komentar dan analisis, termasuk analisis yang kritikal terhadap dasar kerajaan. Menyedari hakikat ini, kerajaan masih berusaha mengawal pemilikan media dalam talian, khususnya melalui peruntukan pada Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Perlembagaan Persekutuan dan beberapa akta lain.

Dalam konteks PRU-14, media sosial muncul sebagai platform yang lebih dominan berbanding media tradisional. Platform seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan Twitter digunakan secara meluas oleh parti pembangkang untuk menyampaikan mesej mereka secara langsung kepada pengundi. Lebih memburukkan keadaan, penyebaran berita palsu dan maklumat yang mengelirukan melalui media sosial turut melemahkan kredibiliti BN. Kekurangan kawalan terhadap naratif yang tersebar di media sosial ini menjadikan BN tidak mampu untuk bersaing dalam ruang digital yang sangat pantas dan dinamik.

WACANA SARJANA

Menurut Allcott dan Gentzkow (2017), berita palsu ialah maklumat baru yang tidak mempunyai asas fakta tetapi dijadikan sebagai berita. Berita palsu juga merupakan sejenis propaganda atau jurnalisme kuning yang terdiri daripada penyebaran maklumat salah atau secara sengaja melalui media sosial dalam talian, media penyiaran mahupun media akhbar tradisional (Hunt, 2016). Berita palsu boleh dikategorikan sebagai: 1) kesalahan laporan yang tidak sengaja atau tiada niat, 2) khabar angin yang tidak dapat dikenal pasti punca berita, 3) berita daripada teori konspirasi yang dipercayai benar oleh penyebar, 4) satira yang bukan daripada fakta sebenar, 5) kesalahan kenyataan daripada ahli politik dan 6) laporan yang mengelirukan dan tidak ditapis (Wardle, 2017). Berita palsu ini disebarkan dengan tujuan mengaburi mata orang ramai untuk mengaibkan pihak tertentu demi kepentingan politik atau ekonomi sendiri. Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM, 2016), jenis-jenis berita palsu ini boleh dibahagikan kepada khabar angin, spekulasi dan penipuan. Menurut Atif et al. (2010), maklumat yang diperolehi melalui jaringan media sosial boleh mempengaruhi pendapat umum dan tingkah laku audiens dalam membuat sesuatu penilaian termasuk semasa memilih kerajaan. Menurut Nor Fazlina (2018) dan Sivanandam, Carvalho serta Chu (2018), contoh kes berita palsu yang berlaku di Malaysia antaranya adalah berkisar tentang “Kerajaan Bawa Masuk Pengundi Hantu dari Bangladesh”, “SPR Tidak Telus Melaksanakan PRU”, “JPN Beri Kerakyatan kepada Warga Asing”, “Penyalahgunaan Pelaburan Wang Rakyat oleh KWSP dan KWAP” dan “Kerajaan Bakal Bubarkan MARA”. Penyebaran berita palsu seperti ini sentiasa meningkat dan sangat sinonim apabila hampir dengan musim pilihan raya. Melalui pilihan raya sesuatu parti politik akan diberikan mandat oleh rakyat untuk memerintah negara.

PENGARUH BERITA PALSU TERHADAP PENGUNDI SEMASA PILIHAN RAYA

Penyebaran berita palsu dalam konteks politik, khususnya semasa pilihan raya, telah menjadi fenomena global yang memberi impak besar terhadap tingkah laku pengundi. Kajian terdahulu telah meneliti bagaimana berita palsu membentuk persepsi politik, mempengaruhi

keputusan pengundi, dan menghakis kepercayaan terhadap sistem demokrasi. Berita palsu yang tersebar luas dalam media sosial bukan sahaja berupaya mencetuskan polarisasi politik tetapi juga mengubah landskap demokrasi dengan menyemarakkan krisis kepercayaan terhadap institusi pilihan raya.

Menurut Allcott dan Gentzkow (2017), berita palsu sering digunakan sebagai alat propaganda politik untuk membentuk persepsi negatif terhadap pihak lawan serta meningkatkan imej calon atau parti tertentu. Kajian mereka terhadap Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2016 mendapati bahawa berita palsu yang tersebar melalui media sosial telah memberi kesan signifikan terhadap corak pemilihan pengundi. Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Shan dan Noor Sulastry (2017) meneliti penyebaran berita palsu semasa PRU-14 dan mendapati bahawa pengundi yang terdedah kepada berita palsu di media sosial lebih cenderung untuk mengubah pendirian politik mereka. Berita palsu yang menyentuh isu ekonomi, ketelusan pemimpin, dan ketidakadilan pilihan raya telah mencetuskan ketidakpuasan hati pengundi terhadap kerajaan ketika itu, seterusnya mempengaruhi corak pengundian. Kajian oleh Lazer et al. (2018) turut menyokong pandangan bahawa berita palsu sering direka untuk mencetuskan emosi seperti kemarahan dan ketakutan. Berita palsu yang berunsur skandal dan kontroversi lebih mudah diterima serta disebar dalam kalangan masyarakat, terutamanya di media sosial yang mempunyai algoritma kandungan sensasi (Mahmud & Pitchan, 2017). Tambahan pula penyebaran maklumat secara visual turut memainkan peranan penting dalam memberi gambaran yang jelas tentang sesuatu kejadian kepada khalayak dan dianggap sebagai alat komunikasi yang berkuasa untuk mencetuskan tindak balas emosi yang tinggi dan boleh diingati berbanding perkataan semata-mata (Normah & Faridah, 2018).

Berita palsu bukan sahaja berfungsi sebagai alat propaganda, tetapi juga mencetuskan pembahagian ideologi dan polarisasi politik. Menurut Sunstein (2018), penyebaran berita palsu melalui media sosial membentuk fenomena "*echo chamber*", di mana individu hanya terdedah kepada maklumat yang mengukuhkan kepercayaan sedia ada mereka. Akibatnya, pengundi lebih cenderung untuk menolak fakta yang bertentangan dengan kepercayaan politik mereka dan terus menyebarkan naratif yang menyokong pandangan mereka. Berita palsu mengenai manipulasi pilihan raya dan konspirasi politik pula telah menghakis kepercayaan rakyat terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Berita palsu yang mendakwa wujudnya "pengundi hantu", penipuan sistem e-undi, serta campur tangan asing dalam PRU-14 telah menimbulkan kebimbangan dan syak wasangka dalam kalangan pengundi, sekali gus mencabar keabsahan keputusan pilihan raya. Selain itu, kajian oleh Bakir dan McStay (2018) menyatakan bahawa berita palsu yang tersebar melalui algoritma media sosial menyukarkan pengundi untuk membezakan antara fakta dan propaganda. Ketidaktentuan maklumat dalam media sosial menyumbang kepada krisis kepercayaan terhadap institusi demokrasi, yang boleh membawa kepada ketidakstabilan politik jangka panjang.

Berita palsu juga berupaya membentuk persepsi pengundi terhadap calon dan parti politik yang bertanding. Menurut Pennycook dan Rand (2019), individu lebih cenderung untuk mempercayai berita yang menyokong kepercayaan politik mereka, walaupun berita tersebut tidak mempunyai asas fakta yang kukuh. Kajian oleh Raja Noraina (2020) dalam konteks PRU-14 menunjukkan bahawa penyebaran berita palsu telah mempengaruhi persepsi rakyat terhadap kerajaan ketika itu, terutamanya dalam aspek tadbir urus, ketelusan kewangan, dan isu perkauman. Berita yang membingkaikan kerajaan sebagai gagal dalam mengurus ekonomi, menangani rasuah, serta menjaga kepentingan rakyat telah menyumbang kepada perubahan corak undi dan pertukaran kepimpinan selepas PRU-14. Menurut Jamieson dan

Cappella (2008), strategi pembingkaian dalam berita palsu dapat mempengaruhi kepercayaan pengundi terhadap calon politik tertentu. Menurut Normah et al. (2009) penggunaan bahasa emotif, imej sensasi, dan metafora yang kuat dalam sesuatu berita dapat meningkatkan penerimaan terhadap naratif yang disampaikan.

Walaupun berita palsu mempunyai pengaruh besar terhadap pengundi, kajian menunjukkan bahawa literasi media dapat mengurangkan kesan negatif ini. Menurut Lewandowsky, Ecker dan Cook (2017), pengundi yang mempunyai tahap literasi media yang tinggi lebih berupaya menilai kesahihan sesuatu berita dan kurang terpengaruh dengan maklumat yang tidak sahih. Kajian di Malaysia oleh Siti Nurshahidah et al. (2024) menegaskan bahawa pendidikan literasi media memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat mengenal pasti dan menilai kesahihan maklumat yang diterima. Dengan peningkatan literasi media, pengundi lebih berupaya untuk membezakan berita palsu yang direka dan sebagai benteng pertahanan terhadap kesan negatif penyalahgunaan media, termasuk pendedahan kepada maklumat palsu, teori konspirasi, propaganda politik, serta maklumat yang dimanipulasi oleh pihak berkepentingan.

Berita palsu yang tidak dikawal boleh membawa kepada kesan jangka panjang terhadap kestabilan demokrasi. Benkler, Faris dan Roberts (2018) berpendapat bahawa penyebaran berita palsu yang berterusan boleh mencetuskan krisis kepercayaan terhadap sistem politik, di mana rakyat semakin sukar untuk membezakan antara maklumat yang benar dan manipulasi politik. Di Malaysia, kajian oleh Ayob (2017) menunjukkan bahawa berita palsu boleh mencetuskan perpecahan sosial, pengelompokan politik yang ekstrem, serta peningkatan radikalisme, yang akhirnya boleh mengancam kestabilan negara. Oleh itu, kawalan terhadap berita palsu perlu dilaksanakan dengan berhati-hati supaya tidak menjejaskan kebebasan bersuara tetapi dalam masa yang sama dapat menjamin ketelusan dan kestabilan politik.

Sorotan kajian ini menunjukkan bahawa berita palsu mempunyai pengaruh besar terhadap pengundi, khususnya dalam membentuk persepsi politik, meningkatkan polarisasi, serta menghakis kepercayaan terhadap institusi demokrasi. Penyebaran berita palsu yang tidak terkawal boleh menyebabkan manipulasi maklumat secara meluas, sekaligus mencetuskan ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara. Oleh itu, pendidikan literasi media dan langkah kawalan terhadap berita palsu perlu diperkukuh bagi memastikan proses demokrasi yang lebih telus dan adil.

PERUBAHAN LANDSKAP POLITIK MALAYSIA

Menurut Mohamad Faisol (2018), keputusan majoriti rakyat untuk menolak kepimpinan Barisan Nasional (BN) dalam PRU-14 dipengaruhi oleh pelbagai isu berprofil tinggi yang mendapat liputan meluas di media sosial. Antara isu utama yang mencetuskan ketidakpuasan hati rakyat termasuklah skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kontroversi dana RM2.6 bilion, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Walau bagaimanapun, kejatuhan kuasa politik Najib Razak tidak hanya berpunca daripada skandal 1MDB semata-mata. Maksum (2020) menegaskan terdapat faktor lain yang turut memainkan peranan dalam menghakis sokongan rakyat terhadap kepimpinan beliau. Antaranya adalah ketidakseimbangan ekonomi negara, khususnya peningkatan kos sara hidup dan kenaikan harga barang sepanjang pentadbiran Najib Razak, yang telah mencetuskan kegelisahan dalam kalangan masyarakat. Muhamad Takiyuddin dan Muhamad Nadzri (2018) pula menyatakan bahawa dasar ekonomi yang tidak popular, seperti

pelaksanaan GST, sering dikaitkan sebagai punca utama peningkatan kos kehidupan. Persepsi rakyat terhadap GST juga memperlihatkan pandangan yang bercampur-baur, di mana sebahagian besar menganggap cukai tersebut sebagai mekanisme untuk menjana pendapatan negara, tetapi dalam masa yang sama memberi beban ekonomi kepada rakyat (Junaidi, 2019).

Namun begitu, terdapat juga pandangan yang mempertahankan pentadbiran Najib Razak, khususnya dalam menangani isu 1MDB. Menurut laporan Berita Harian (2016) dan MalaysiaKini (2016), isu 1MDB dianggap sebagai satu naratif yang digerakkan oleh pihak pembangkang serta media antarabangsa, termasuk portal Malaysiakini, The Malaysian Insider, dan Sarawak Report. Dakwaan tersebut bertujuan untuk mencemarkan imej pemimpin negara dan menggerakkan protes rakyat melalui demonstrasi serta tunjuk perasaan. Selain itu, laporan berita yang tidak sahih dan manipulatif berpotensi untuk menjejaskan keselamatan negara serta keyakinan pelabur asing terhadap kepimpinan negara.

Dalam PRU-14 pada tahun 2018, BN hanya memenangi 79 kerusi, merosot berbanding 132 kerusi yang dimenangi pada PRU-13. Penurunan ini menunjukkan penolakan rakyat terhadap kepimpinan BN, sekali gus menyebabkan Najib Razak gagal mengekalkan jawatan sebagai Perdana Menteri (Badaruddin & Mohammad, 2018). Menurut Muhammad Ariff dan Sity (2018), ketika PRU-14, BN berdepan pelbagai isu besar yang hangat diperkatakan di media sosial, termasuk skandal kewangan 1MDB dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dalam masa sama, manifesto Pakatan Harapan (PH) yang lebih bersifat populis, terutamanya janji “10 Janji dalam 100 Hari”, memainkan peranan penting dalam membina persepsi positif dan meraih sokongan rakyat melalui kempen intensif di media sosial.

Selepas kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang dipimpin Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-7 mengambil alih pemerintahan daripada BN, pelbagai isu turut dimainkan di media sosial berkaitan dengan ketidakcekapan tadbir urus kerajaan menangani isu ekonomi, agama dan kaum. Impak daripada penyebaran berita-berita yang tidak benar juga adalah antara faktor kerajaan PH hanya bertahan selama 22 bulan selain daripada pergolakan dalam parti (Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018). Selepas kejatuhan PH, Malaysia seterusnya diterajui oleh kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang dipimpin oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8. Di awal pemerintahan PN iaitu sekitar Mac 2020 telah berlaku pandemik COVID-19 dan isu kesihatan negara yang serius. Pada ketika itu, pelbagai berita palsu juga turut disebarkan terutama berkaitan penularan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ketidakcekapan tadbir urus kerajaan menghadapi pandemik kesihatan negara (Sity, 2021). Hasil percaturan politik melalui penggunaan media sosial turut memberikan pergolakan dalaman antara parti politik (Hayes, 2008). Sepanjang tempoh kajian iaitu 2016 hingga 2020 telah berlaku peralihan kuasa politik melibatkan tiga kerajaan utama iaitu BN, PH dan PN.

Bagi menilai ketelusan dan kecenderungan pelaporan berita di media sosial di Malaysia dalam menyampaikan dan melaporkan sesuatu isu, maka artikel ini diketengahkan untuk menganalisis dengan lebih terperinci hal ini kerana setiap berita yang disampaikan pasti akan mengandungi elemen-elemen yang memerlukan pengesahan kebenaran supaya ianya tidak dikategorikan sebagai berita palsu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian berasaskan analisis kandungan serta temu bual mendalam bersama informan yang relevan. Analisis kandungan digunakan bagi mengenal pasti tema berita palsu yang tersebar semasa PRU-14 serta

kecenderungan penyebarannya di media sosial. Sumber utama yang dirujuk dalam kajian ini ialah berita palsu berkaitan PRU-14 yang telah disahkan sebagai tidak sah oleh portal Sebenarnya.my. Kaedah ini selaras dengan pandangan Giannantonio (2010) dan Krippendorff (2004) yang menyatakan bahawa analisis kandungan merupakan teknik penyusunan teks berdasarkan pengkategorian sistematik melalui proses pengkodan yang berulang. Kajian ini menggunakan *coding book* dan *coding sheet* sebagai instrumen penting semasa menjalankan analisis kandungan. Penggunaan *coding book* bertujuan untuk memberikan garis panduan yang jelas bagi setiap kategori atau tema yang dianalisis, supaya semua proses pengkodan dapat dijalankan secara konsisten dan boleh ditelusuri (*traceable*).

Pengkategorian dan kecenderungan berita palsu dalam kajian ini dianalisis melalui Teori Pembingkai, khususnya konsep Pembingkai Media yang diperkenalkan oleh McCombs dan Shaw (1972). Pendekatan ini digunakan bagi memahami tema berita palsu yang dibingkai untuk membentuk landskap politik serta mempengaruhi persepsi dan tingkah laku pengundi. Berdasarkan teori ini, setiap berita yang dikumpul dianalisis dengan mengenal pasti petunjuk bingkai, termasuk istilah, metafora, hujahan, serta elemen visual yang digunakan dalam penyampaian berita. Petunjuk bingkai yang tersirat turut dianalisis, sebelum pengkaji mengelompokkan berita mengikut persamaan kandungan untuk membentuk bingkai tertentu. Van Gorp (2007) menegaskan bahawa bingkai yang dikenal pasti haruslah bersifat abstrak, boleh diaplikasikan dalam kajian lain, serta mempunyai nilai generalisasi.

Bagi menyokong dapatan kajian, temu bual separa berstruktur telah dijalankan melibatkan 30 orang informan yang dipilih berdasarkan kepakaran dan kedudukan mereka dalam pelbagai sektor, termasuk pegawai kerajaan, penguat kuasa, ahli akademik, pengundi, serta tentera siber. Temu bual digunakan sebagai teknik pengumpulan data, di mana interaksi bersemuka antara pengkaji dan informan membolehkan eksplorasi lebih mendalam terhadap fenomena yang dikaji. Tracy (2013) menyatakan bahawa temu bual merupakan satu proses sistematik untuk memperoleh maklumat berdasarkan garis panduan soalan, di mana tindak balas informan direkodkan bagi membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu isu. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti pengalaman, pendapat, dan emosi informan dalam memahami bagaimana berita palsu memberi kesan kepada landskap politik Malaysia.

Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menyemak dan menganalisis berita palsu berkaitan PRU-14 yang telah disahkan sebagai tidak sah oleh Sebenarnya.my. Secara umum, Sebenarnya.my berfungsi sebagai platform semakan fakta rasmi yang melaporkan kesahihan sesuatu maklumat yang tular di media sosial. Media sosial yang terlibat dalam penyebaran berita palsu adalah melalui Facebook, WhatsApp, Instagram, Twitter dan Blog. Pengkaji meneliti semua berita berkaitan PRU-14 yang disiarkan di portal tersebut dalam tempoh Januari 2016 hingga Disember 2020. Walau bagaimanapun, hanya berita palsu berkaitan PRU-14 yang tular di media sosial diambil sebagai sampel kajian. Sejumlah 55 berita palsu yang dikenal pasti dan seterusnya dikumpulkan bersama tarikh penyiaran, kandungan utama, serta bentuk multimedia (sama ada dalam format teks, imej, video, atau audio) bagi memudahkan analisis tematik dijalankan. Analisis tematik dijalankan secara manual. Pendekatan ini dipilih untuk memastikan pemahaman kontekstual terhadap kandungan berita palsu tidak terjejas oleh pengkategorian automatik. Di samping itu, proses manual membolehkan penyelidik menganalisis dengan lebih kritikal dan mendalam terhadap elemen bahasa, simbolisme politik, dan naratif propaganda yang digunakan dalam setiap berita palsu. Pendekatan manual

juga didapati lebih bersesuaian memandangkan skop data yang bersifat naratif dan memerlukan penilaian subjektif terhadap maksud tersirat.

Akhirnya, data yang diperoleh daripada analisis kandungan, temu bual bersama informan, serta sumber sekunder dianalisis secara menyeluruh bagi menghasilkan penulisan akademik yang mendokumentasikan pengaruh berita palsu PRU-14 di media sosial dalam mengubah landskap politik Malaysia.

SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan analisis berita palsu termasuk propaganda politik di media sosial berkaitan Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap perubahan landskap politik di Malaysia dalam tahun 2016 hingga 2020. Umum mengetahui dalam tahun tersebut berlakunya PRU-14 yang menyaksikan tumbangannya sebuah kerajaan BN yang telah memerintah Malaysia sejak tahun 1957. Dalam tahun-tahun tersebut juga analisis dibuat melibatkan tiga kerajaan yang memerintah iaitu kerajaan BN, kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan juga kerajaan Perikatan Nasional (PN). Berita palsu yang dikenal pasti dibahaskan mengikut tema-tema awal yang telah dibentuk iaitu berdasarkan tema kategori berita palsu dan tema kecenderungan berita palsu yang diperolehi melalui media sosial seperti Facebook dan portal berita.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat yang diperolehi dianalisis secara mendalam untuk menghasilkan dapatan kajian. Proses analisis tematik dijalankan dengan mengenal pasti kod-kod yang relevan dalam keseluruhan data kajian, yang kemudiannya diklasifikasikan mengikut tema tertentu. Tema-tema ini menjadi asas kepada pembentukan kategori berita palsu. Hasil daripada analisis data yang dikumpulkan, empat tema utama telah dikenal pasti sebagai kategori berita palsu berkaitan PRU-14. Tema tersebut berserta huraian adalah seperti di Jadual 1.


Jadual 1: Tema kategori berita palsu dan huraian

Bil.	Tema Kategori Berita Palsu	Huraian
1	Keselamatan dan Ketenteraman Awam	Merujuk kepada pelbagai faktor atau kejadian yang boleh menggugat keselamatan individu, masyarakat, atau negara serta menjejaskan kestabilan dan keharmonian. Ancaman ini boleh bersifat fizikal, sosial, politik, atau digital, dan jika tidak ditangani, ia boleh menyebabkan ketidakstabilan yang serius.
2	Kestabilan Politik	Merujuk kepada situasi di mana sistem politik sesebuah negara menghadapi cabaran yang boleh menggugat kestabilan pemerintahannya, keseimbangan kuasa, dan kemampuan untuk memastikan pembangunan ekonomi dan sosial. Kestabilan politik amat penting untuk menjamin keamanan, kemakmuran, dan kestabilan keseluruhan negara.
3	Tadbir Urus	Merujuk kepada masalah dan cabaran dalam pengurusan pentadbiran organisasi, institusi, atau kerajaan. Tadbir urus yang baik penting untuk memastikan pengurusan sumber secara cekap, keadilan dalam pembuatan keputusan, dan kepentingan rakyat atau pemegang taruh diutamakan. Kegagalan dalam tadbir urus boleh menyebabkan korupsi, ketidakcekapan, dan hilangnya kepercayaan masyarakat.
4	Kestabilan Ekonomi	Merujuk kepada situasi di mana ekonomi sesebuah negara menghadapi cabaran yang mengancam keupayaannya untuk mengekalkan pertumbuhan, mengawal inflasi, mewujudkan pekerjaan, dan menstabilkan nilai mata wang. Ketidakstabilan ekonomi sering menyebabkan kesan negatif kepada kehidupan rakyat, pelabur, dan pembangunan negara secara keseluruhan.

Analisis yang dijalankan menggunakan pendekatan teori pembingkai sebagai panduan. Pengkaji meneliti berita yang dikumpulkan dengan mengenal pasti petunjuk bingkai seperti istilah, metafora, argumen, atau elemen visual yang ada. Selain itu, petunjuk bingkai yang tersirat turut diambil kira dalam analisis. Kandungan berita yang mempunyai persamaan dianalisis untuk membentuk bingkai tertentu, yang kemudiannya diberikan nama sesuai. Seperti yang dijelaskan oleh Van Gorp (2007), nama bingkai perlu bersifat abstrak, dapat digunakan dalam kajian lain, dan mewakili konsep yang bersifat umum.

Melalui hasil maklumat temu bual dan analisis kandungan, terdapat empat tema berkaitan kategori berita palsu iaitu isu keselamatan dan ketenteraman awam, isu kestabilan politik, isu kestabilan ekonomi dan isu tadbir urus. Terdapat 55 berita palsu (BP) yang telah dikaji dan dikelaskan mengikut kategori berita palsu seperti di Rajah 1.

Rajah 1: Kategori berita palsu di media sosial




Selain tema kategori berita palsu, proses analisis tematik juga dilakukan dengan mengenal pasti kod-kod yang relevan dalam keseluruhan data kajian dan seterusnya mengklasifikasikannya mengikut tema kecenderungan berita palsu. Tema-tema yang terbentuk ini menggambarkan kecenderungan berita palsu berkaitan PRU-14 di media sosial. Berdasarkan data kajian yang dikumpulkan, tiga tema utama telah dikenal pasti sebagai kecenderungan berita palsu PRU-14 iaitu gangguan politik semasa, provokasi dalam kalangan masyarakat dan salah faham terhadap tadbir urus kerajaan.

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

Merujuk kepada Rajah 2, tema ini merupakan rangkuman kepada berita palsu termasuk propaganda politik dan telah dikelaskan kepada tema kecenderungan berkaitan krisis politik semasa (2 berita palsu), provokasi sosial dalam masyarakat (15 berita palsu) dan salah faham terhadap tadbir urus kerajaan (6 berita palsu).

Rajah 2: Tema keselamatan dan ketenteraman awam



Isu-isu yang banyak ditularkan adalah berkaitan perkauman, agama dan institusi raja di Malaysia. Pada setiap kali pilihan raya, modal yang digunakan oleh parti yang bertanding adalah isu perkauman kerana isu tersebut sangat menarik perhatian masyarakat. Bagi tentera siber pula isu perkauman sangat mudah untuk dimanipulasi dan boleh membangkitkan kemarahan sesuatu kaum (Idid & Chang, 2012). Melalui isu kaum juga seseorang pemimpin politik mudah untuk meraih sokongan sesuatu kaum contohnya mengaitkan kemenangan parti PKR dalam pilihan raya akan memberikan kemenangan kepada kaum cina untuk menguasai politik yang selama ini dikuasai oleh kaum melayu (Astro Awani, 2020). Masyarakat melayu yang mudah terpengaruh dengan isu ini sudah tentu akan mudah melenting dan merasa terancam. Isu seperti ini merupakan antara cabaran besar kerajaan mengawalinya dengan cara terbaik supaya dapat mengelakkan daripada berlakunya perpecahan dan rusuhan antara kaum. Kegagalan menangani isu ini dengan baik akan memberi peluang kepada parti pembangkang untuk meraih undi seterusnya menjatuhkan kerajaan yang sedang memerintah (Kalang, 2018).


Cabaran kerajaan pemerintah juga amat besar untuk menangani provokasi berkaitan institusi agama Islam. Isu yang dimainkan di media sosial adalah Islam akan terancam sekiranya diperintah oleh parti dan pemimpin yang bukan Islam. Ini merupakan salah satu bentuk berita yang dimanipulasi kerana hakikat sebenar ianya belum berlaku dan dicipta untuk menakut-nakutkan perkara yang belum pasti berlaku. Digambarkan sekiranya berlaku peralihan kuasa kepada Pakatan Harapan yang ditunjangi Parti DAP, Islam akan terancam dan masyarakat Islam sudah tidak bebas mengamalkan ajaran Islam di negara sendiri justeru mewujudkan polemik institusi agama yang boleh mengganggu gugat kestabilan kerajaan. Apabila membicarakan isu 3R, institusi raja turut dipolitikkan di media sosial dengan menyebarkan berita yang belum tentu disahkan benar bagi menggambarkan institusi raja terancam sekiranya pemimpin tertentu memerintah. Walaupun telah jelas termaktub dalam perlembagaan yang mengiktiraf kuasa raja-raja melayu, isu berkenaan institusi raja masih dimainkan oleh pihak berkepentingan kerana ianya mudah menimbulkan provokasi di

kalangan rakyat. Wujud berita palsu seperti “Majlis Raja-Raja tidak bertindak berhubung kes 1MDB” bertujuan untuk menunjukkan raja-raja tidak ambil peduli langsung tentang kes yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan. Penyebaran berita palsu lain seperti “JPPM luluskan pendaftaran Persatuan Melayu Murtad” juga bertujuan menggambarkan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam seolah-olah tidak mempertahankan Islam (Sebenarnya.my, 2019). Apabila diprovokasi secara keterlaluan, masyarakat Melayu Islam akan mula bertindak untuk mempertahankan institusi raja berpelembagaan sekiranya ada unsur-unsur yang mengganggu gugat institusi raja dan agama. Apabila rakyat mula bertindak melalui demonstrasi di jalanan, ianya telah mengganggu kestabilan politik negara kerana aktiviti demonstrasi disebarkan melalui media sosial memperlihatkan kepincangan dan huru-hara yang berlaku dalam negara. Maklumat yang disebarkan tanpa sempadan ini sudah tentu diikuti rapat oleh masyarakat antarabangsa dan memberikan pelbagai persepsi terhadap pentadbiran kerajaan Malaysia (Pepinsky, 2013).

KESTABILAN POLITIK

Merujuk kepada Rajah 3, tema ini merupakan rangkuman kepada berita palsu termasuk propaganda politik dan telah dikelaskan kepada tema kecenderungan berkaitan krisis politik semasa (10 berita palsu).

Rajah 3: Tema kestabilan politik



Isu-isu yang banyak ditularkan adalah berkaitan salah guna kuasa dan pengaruh, rasuah dan penyelewengan, skandal 1MDB, salah laku pemimpin dan ketelusan SPR dalam melaksanakan pilihan raya di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa isu-isu yang dibangkitkan ini mempunyai kecenderungan untuk mewujudkan ketidakstabilan politik di Malaysia. Isu utama dan cabaran kepada kerajaan apabila propaganda berkaitan salah guna kuasa dan pengaruh oleh pemimpin. Semasa memegang tampuk pemerintahan, pemimpin parti politik telah menggunakan jentera kerajaan untuk membantu mereka memenangi pilihan raya. Ini bagi memastikan legasi mereka terus kekal (Muhamad Takiyuddin & Amalin, 2016). Sekiranya dikaji semula propaganda seperti ini adalah tidak benar kerana penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka terhadap sesiapa sahaja yang menjadi pemimpin

dalam kerajaan yang sedang memerintah. Dalam hal ini propaganda yang memberikan satu tanggapan secara umum bahawa setiap penjawat awam terpaksa mengundi Perdana Menteri yang sedang memerintah adalah tidak benar. Perkara-perkara seperti ini sebenarnya membuatkan keadaan politik negara tidak stabil apabila rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan yang ditohmah mengambil kesempatan menggunakan ketua-ketua kerajaan yang menerajui Jabatan/Agensi strategik untuk kepentingan politik (MalaysiaKini, 2016). Keadaan seperti ini boleh menjadi lebih buruk apabila ia tular di media sosial, berpotensi untuk diketahui oleh seluruh dunia, sehingga menjejaskan rasa hormat terhadap pemimpin negara. Isu salah guna kuasa dan pengaruh oleh kerajaan yang sedang memerintah menunjukkan bahawa kerajaan sedia ada ingin terus memerintah tetapi dengan cara yang tidak betul. Perkara sebegini boleh menyebabkan kestabilan politik terganggu kerana satu parti mengambil kesempatan dan peluang untuk terus memerintah dengan menolak hak parti lain yang bertanding dengan secara adil (Gomez, 2014). Sekiranya dilihat dari aspek propaganda berkaitan rasuah dan penyelewengan dana pula, banyak berita yang belum tentu sahih dibangkitkan di media sosial melibatkan pemimpin-pemimpin parti. Tuduhan seperti rasuah ini sememangnya sangat berat dan ianya sangat mempengaruhi kestabilan politik. Membuat pertuduhan terhadap seseorang pemimpin dilihat lebih mudah tetapi untuk membuktikan di mahkamah, banyak aspek perlu dinilai tetapi masyarakat telah menjatuhkan hukum sendiri kepada pemimpin tersebut yang dituduh terlibat dengan rasuah. Imej pemimpin parti telah tercalar apabila dituduh terlibat dengan skandal rasuah walaupun belum dituduh di mahkamah.

Selain itu, isu penyelewengan dana awam seringkali ditularkan di media sosial dan sangat memberi kesan kepada pihak kerajaan. Ini melihatkan kerajaan tidak bersih dan sentiasa mendapat tohmahan dan persepsi buruk dari masyarakat lebih-lebih lagi pemimpin negara ditonjolkan sebagai pemimpin kleptokrat. Pemimpin-pemimpin ini menganggap perbendaharaan negara adalah seperti kekayaan mereka sendiri yang boleh dikeluarkan untuk dibelanjakan kepada barangan mewah sesuka hati tanpa sebarang pengawasan atau kawalan luaran yang wujud. Kekayaan yang diperolehi secara haram ini dipindahkan kepada akaun-akaun bank yang tersembunyi di luar negara untuk mengaburi kekayaan mereka (Syed Farid, 1999). Penyelewengan dana 1MDB merupakan isu yang mengancam kestabilan politik negara. Isu ini dipersoalkan apabila terdapat dakwaan penyelewengan daripada pelbagai pihak, dengan penyiasat luar negara mengesahkan salah laku, sedangkan siasatan dalam negara mendapati tiada sebarang penyelewengan dalam pengurusan dana tersebut (Muhamad Takiyuddin, 2018). Dalam hal ini, bukan sahaja rakyat Malaysia malah ramai pemimpin politik tanah air sendiri meminta supaya isu ini diselesaikan segera oleh pihak kerajaan (Maksum, 2020). Isu 1MDB sering dibangkitkan di media sosial, terutama sebelum PRU-14, sehingga menonjolkan kelemahan kepimpinan politik dalam menangannya. Isu ini menjadi antara faktor utama kejatuhan kerajaan pimpinan Najib Razak, menyumbang kepada ketidakstabilan politik dan kegagalan Barisan Nasional mempertahankan kuasa dalam PRU-14.

Sebagai tambahan, kredibiliti seseorang pemimpin yang ada jawatan dalam kerajaan telah dipersoalkan rakyat apabila beliau dikaitkan dengan isu-isu moral. Rakyat menjadi marah apabila membaca berita-berita berkenaan salah laku pemimpin dalam kerajaan walaupun berita itu tidak semestinya benar. Akibatnya politik menjadi tidak stabil apabila rakyat mempersoalkan kredibiliti seseorang pemimpin yang mempunyai jawatan dalam kerajaan yang sepatutnya menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam menerajui sesebuah kerajaan.


Merujuk kepada portal berita tempatan, lima berita palsu berkaitan PRU yang menjadi bualan hangat di media sosial adalah “kehadiran pengundi warga Bangladesh dengan pesawat terbesar di dunia”, “penemuan wang tunai dalam kenderaan pemimpin ahli politik”, Datuk Wee Ka Siong di ‘boo’”, “wakil rakyat minta warga asing mengundi” dan “penggunaan jari palsu dalam PRU-14” (Najib, 2018). Berita-berita sensasi seperti ini memang menjadi tarikan utama masyarakat yang mencari maklumat berkaitan politik tanah air. BN sebagai kerajaan ketika itu segera mengambil pendekatan menasihati orang ramai supaya tidak mempercayai berita yang ditularkan oleh pihak pembangkang dan memberikan penjelasan dan fakta bagi menafikan sejumlah 50 berita palsu melalui laman web BN iaitu www.barisannasional.org.my (Husni, 2018).

Suasana politik di Malaysia turut terganggu apabila jabatan kerajaan yang diamanahkan untuk melaksanakan pilihan raya iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sering ditohmah secara berterusan tidak telus dengan pelbagai isu seolah-olah mempunyai kuasa untuk memenangkan sesuatu parti yang bertanding. Selain itu SPR juga turut mengesahkan beberapa maklumat palsu berkaitan perjalanan pilihan raya yang ditularkan seperti “kertas undi dimasukkan dalam kotak yang salah”, “undi pos tidak sampai”, “tiada cop pada kertas undi”, “kertas undi dibawa keluar daripada bilik mengundi”, “tempoh masa hari pengundian” dan “kritikan terhadap pemerhati dalam dan luar negara” (Ku Syafiq, 2018). Berita palsu juga turut disebarkan dalam bentuk multimedia seperti “kertas undi pos telah disapu lilin”, “kaedah penandaan kertas undi”, “pengiraan undi awal yang mencurigakan”, dan “titik hitam pada kertas undi” bagi tujuan menarik perhatian masyarakat untuk mempercayai berita dan maklumat yang diterima sehinggakan SPR mengeluarkan Kenyataan Media untuk menjelaskan berita palsu ini (SPR, 2018). Tohmahan kepada petugas SPR melalui berita palsu “Petugas SPR membawa kertas undi keluar” juga benar-benar mencemarkan imej dan kredibiliti penjawat awam (Sebenarnya.my, 2016). Propaganda seperti ini telah membuatkan rakyat mula meragui parti-parti yang bertanding. Apabila parti tersebut membentuk sebuah kerajaan, maka akan timbul penolakan sesetengah golongan rakyat yang meragui kemenangan dan keabsahan parti tersebut yang akhirnya menyebabkan ketidakstabilan politik berlaku.

TADBIR URUS

Merujuk kepada Rajah 4, tema tadbir urus ini merupakan rangkuman kepada berita palsu termasuk propaganda politik dan telah dikelaskan kepada tema kecenderungan berkaitan krisis politik semasa (3 berita palsu), provokasi sosial dalam masyarakat (7 berita palsu) dan salah faham terhadap tadbir urus kerajaan (3 berita palsu).

Rajah 4: Tema tadbir urus



Isu-isu yang banyak ditularkan adalah berkaitan penggunaan wang rakyat untuk membayar hutang negara, ketidakcekan agensi kerajaan melabur dalam pasaran dalam dan luar negara, isu penyiasatan dan pendakwaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pengurusan pandemik COVID-19. Masyarakat disebarkan lagi berita yang mengatakan bahawa kerajaan telah menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan juga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menampung hutang negara yang semakin meningkat saban tahun (Pepinsky, 2018). Umum mengetahui bahawa KWAP dan KWSP adalah antara dana terbesar negara dan secara logiknya dua agensi ini mampu menyelamatkan pemimpin yang gagal menguruskan kewangan negara sehinggakan hutang meningkat, dengan menyalurkan dana yang besar. Rakyat menjadi marah sekiranya hal ini benar-benar berlaku kerana dana-dana ini adalah daripada rakyat tetapi telah disalah guna oleh kerajaan (Sebenarnya.my, 2018). Sekiranya perkara ini tidak benar pula, ianya merupakan suatu fitnah yang besar terhadap pemimpin yang menguruskan kewangan negara. Sebagai contoh, kenyataan Perdana Menteri, Najib Razak ketika bertemu Presiden Donald Trump pada September 2017 ada menyebut Malaysia mahu mengukuhkan ekonomi Amerika Syarikat telah disalah tafsir. Kenyataan Najib itu bermaksud Malaysia tidak hanya menjadi penyumbang tetapi turut meraih manfaat daripada hubungan perdagangan dua hala dengan Amerika Syarikat. Beliau turut memaklumkan KWSP dan Khazanah Nasional Bhd merancang meningkatkan pelaburan mereka di Amerika Syarikat. Selain itu, Malaysia juga menerusi Malaysia Airlines Bhd (MAB) akan membeli lebih banyak pesawat Boeing dari negara itu (MalaysiaKini, 2018). Kehadiran Najib ketika itu sebagai ketua negara boleh menjadi pemain global yang signifikan dalam perkembangan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, fakta positif itu dikilas pihak tertentu untuk mengelirukan rakyat dengan memberikan persepsi negatif kebergantungan Malaysia terhadap Amerika Syarikat.

Pada tahun 2018, isu SPRM memilih individu tertentu untuk didakwa merupakan antara berita yang ditularkan sehingga membuatkan integriti SPRM tercalar. SPRM digambarkan seolah-olah alat yang digunakan oleh kerajaan untuk membuat pendakwaan

secara terpilih yang bertujuan menjatuhkan kredibiliti dan kerjaya seseorang ahli politik (MalaysiaKini, 2018). Selepas PH mengambil alih pentadbiran kerajaan, pelantikan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM pula ditohmah kerana tidak diangkat ke pengetahuan Kabinet dan PKR sekaligus memberi tafsiran tatakelola pentadbiran baharu yang tidak konsisten dengan manifesto sebelum pilihan raya. Tidak semua masyarakat yang memahami tadbir urus sesuatu jabatan kerajaan lebih-lebih lagi yang melibatkan selok-belok urusan penyiasatan dan pendakwaan. Apabila disebarkan tentang berita pendakwaan terpilih oleh agensi penguatkuasa, perkara ini mudah dimanipulasikan dengan menghubungkan dengan kelemahan pentadbiran sesebuah kerajaan yang tidak telus dan adil. Ianya menjadi suatu cabaran kepada kerajaan untuk menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat kerana tidak semua perkara boleh disampaikan secara terperinci terutama yang melibatkan kerahsiaan dan kepentingan kerajaan.


Pada awal tahun 2020, Malaysia dan seluruh dunia telah dikejutkan dengan pandemik COVID-19. Maklumat berkaitan pandemik ini yang tersebar secara berleluasa oleh masyarakat telah menyebabkan munculnya berita palsu. Ini adalah kerana wujudnya individu tidak beretika yang mempunyai amalan "*breaking news syndrome*" iaitu sindrom menyebarkan berita terawal di mana mereka hanya menerima maklumat sahaja dan mereka terus bertindak menyebarkan maklumat tersebut tanpa mengesahkan maklumat tersebut benar atau pun tidak. Menurut Sity (2021) penyebaran berita secara tidak bertanggungjawab boleh menggugat keharmonian dan ketenteraman awam. Penyebaran berita palsu berkaitan virus tersebut dilihat 'lebih cepat' tersebar berbanding penularan COVID-19 itu sendiri disebabkan ramai pengguna media sosial telah 'mengambil alih' tugas wartawan dengan menyebarkan maklumat tanpa batas masa. Semasa pemerintahan PN pula, antara berita palsu yang banyak ditularkan selain COVID-19 adalah berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Melaka. Penularan berita palsu ini telah menyebabkan golongan masyarakat yang berada di Melaka berasa resah dan marah apabila berita ini telah ditularkan di media sosial. Rentetan daripada itu, parti politik pembangkang ada yang mengambil kesempatan menyebarkan propaganda ketidakcekapan kerajaan PN mengawal negara iaitu dengan mengambil jalan mudah mengadakan PKP. Kesan PKP telah menyusahkan rakyat mencari rezeki dan banyak perniagaan telah ditutup.

Berita seperti ini akan ditularkan terutama menjelang pilihan raya sehinggakan rakyat telah terpengaruh tanpa membuat penyelidikan dan kajian sendiri. Menurut Shahidah et al. (2020), pendedahan maklumat negatif dan palsu yang berterusan di media sosial akan mempengaruhi cara seseorang itu berfikir, bertindak dan menyelesaikan konflik. Ini adalah kerana media sosial secara sedikit demi sedikit membawa masuk masyarakat ke suatu pola budaya baharu dan mulai menentukan fikiran serta budaya perilaku masyarakat. Oleh itu, jika maklumat palsu yang negatif telah mempengaruhi fikiran masyarakat secara perlahan-lahan, maka akan berlaku pelbagai cara yang negatif seseorang untuk bertindak dan menyelesaikan konflik seperti memfitnah, bergaduh serta menyertai demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram.

KESTABILAN EKONOMI

Merujuk kepada Rajah 5, tema kestabilan ekonomi ini merupakan rangkuman kepada berita palsu termasuk propaganda politik dan telah dikelaskan kepada tema kecenderungan berkaitan provokasi sosial dalam masyarakat (1 berita palsu) dan salah faham terhadap tadbir urus kerajaan (8 berita palsu).

Rajah 5: Tema kestabilan ekonomi



Isu berkaitan pelaksanaan GST menjadi antara topik paling hangat yang ditularkan menjelang PRU-14, termasuk isu cukai, pasaran saham, kenaikan faedah, harga minyak dan barang keperluan. Persepsi negatif terhadap GST sering dimainkan di media sosial, meskipun tujuan asal pelaksanaannya adalah untuk memperkukuh ekonomi negara. Namun, penyebaran maklumat yang mengelirukan menyebabkan dasar ini disalah tafsir. Pihak pembangkang menjadikan GST sebagai isu utama dalam kempen mereka, memanipulasi sentimen rakyat dengan propaganda seperti dakwaan kerajaan merancang menaikkan kadar GST selepas pilihan raya. Tambahan pula, manifesto pembangkang yang menjanjikan penghapusan GST mendapat sambutan luas dalam kalangan rakyat. Kerajaan BN dilihat gagal menjelaskan secara berkesan tujuan dan manfaat jangka panjang GST, menjadikannya antara faktor penyumbang kepada kekalahan mereka. Malah, mesej seperti “Harga barang tetap tidak turun walaupun GST dikurangkan” memperkukuh persepsi bahawa GST membebankan rakyat. Tuduhan terbuka oleh pemimpin pembangkang, termasuk dakwaan bahawa defisit negara bukan berpunca daripada ketiadaan GST tetapi akibat rasuah, turut menjejaskan kredibiliti kerajaan. Kelewatan dalam mekanisme pelaksanaan GST, seperti bayaran balik kepada peniaga, menambah kekeliruan. Akhirnya, pihak berkuasa seperti JKDM dan SKMM terpaksa campur tangan untuk mengekang penyebaran berita palsu berkaitan GST yang memuncak menjelang PRU-14.

Berkenaan isu kenaikan harga minyak pula sudah tentu menjadi cabaran kepada mana-mana kerajaan yang memerintah kerana harga minyak bergantung kepada pasaran harga minyak dunia. Apabila harga minyak dunia meningkat, kerajaan terpaksa memikirkan cara untuk meningkatkan subsidi bagi mengelakkan rakyat terpaksa membayar minyak pada harga yang tinggi. Pemimpin politik memang sedar akan hakikat harga pasaran minyak dunia ini tetapi masih mengambil pendekatan untuk menekan kerajaan demi menunjukkan kegagalan kerajaan mengawal harga minyak di Malaysia. Pihak-pihak yang mempunyai agenda politik seringkali menjadikan kenaikan harga barang sebagai kegagalan kerajaan dalam membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup. Berita palsu seperti “Ekonomi Negara Merudum Dari Mei Sehingga September 2017” menambah lagi kedukaan rakyat. Tentera siber yang dilantik oleh parti politik tertentu dilihat begitu mudah untuk memainkan isu kenaikan harga barang sehingga meningkatkan kos sara hidup rakyat Malaysia dan

memberi gambaran ekonomi Malaysia akan merudum supaya rakyat akan memilih kerajaan baharu yang lebih memahami dan peka kepada kehendak rakyat (Nurul Iwan & Norhafiza, 2023).

Berita yang ditularkan di media sosial seperti aduan dan tohmahan rakyat kepada kerajaan berkaitan isu cukai pula diambil kesempatan oleh pihak tertentu dengan mengolah dan memanipulasi isu tersebut sehingga disalah tafsir oleh masyarakat. Berita seperti ini boleh mewujudkan persepsi kebencian rakyat kepada kerajaan sehinggakan jika tidak diambil perhatian akan memberikan banyak keburukan kepada pihak kerajaan. Selain itu, isu seperti kejatuhan indeks pasaran saham juga seringkali dimanipulasi di media sosial untuk menunjukkan kelemahan pemerintahan Perdana Menteri dalam menguruskan ekonomi negara. Antaranya adalah propaganda seperti “PH Kata Ekonomi Semakin Baik, Tapi Bursa Malaysia Paling Teruk di Dunia” dan Najib Razak secara sinis memuji Menteri Kewangan dari PH, Lim Guan Eng yang digelar sebagai ‘Menteri Kewayangan’ kerana negara kini menjadi ‘nombor satu di dunia’. Propaganda dan pertelingkahan pemimpin di media sosial sebenarnya mewujudkan liabiliti yang perlu ditanggung oleh kerajaan kerana pelabur-pelabur asing kurang yakin kepada kestabilan ekonomi dan politik Malaysia. Untuk menjana pendapatan negara, kerajaan perlu berusaha menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini, meneroka sumber alam semaksimum mungkin, menggalakkan eksport dan tindakan-tindakan ekonomi lain yang boleh mendatangkan pendapatan negara. Setiap pelabur luar yang ingin melabur dalam negara pasti akan membuat kajian terperinci terutamanya melalui kajian melalui internet tahap ekonomi negara. Apabila terlalu banyak propaganda berkaitan kelemahan pemimpin dalam usaha memacu ekonomi negara sudah pasti akan memberikan pandangan yang negatif kepada minat pelabur asing. Isu seperti ini sekiranya tidak ditangani dengan berkesan oleh kerajaan boleh menjurus kepada kelembapan ekonomi Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan antara faktor kekalahan BN di peringkat nasional ialah faktor kemelesetan ekonomi, beban kos sara hidup serta isu GST terutama di kawasan bandar. Isu berkaitan ekonomi mikro dan keluarga merupakan isu yang paling dekat di hati dan dalam kehidupan rakyat seharian lantas ianya menjadi suatu perkara yang amat terkesan kerana kewangan dan perbelanjaan akan mempengaruhi emosi, persepsi dan kesejahteraan hidup sama ada sebagai individu ataupun keluarga. Rakyat sangat mengharapkan kerajaan dapat mewujudkan suasana ekonomi yang kondusif, bersubsidi, berdaya saing dan menjaga kebajikan rakyat melalui tindakan pembangunan ekonomi yang mampan dan komprehensif.

KESIMPULAN

Peralihan kuasa daripada kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 dilihat berkait rapat dengan penggunaan propaganda politik melalui media sosial. Meskipun kerajaan BN menggubal Akta Anti Berita Palsu 2018 sebelum pilihan raya, usaha tersebut gagal meyakinkan rakyat mengenai bahaya penyebaran maklumat tidak sahih. Selepas mengambil alih pemerintahan, kerajaan PH pula berdepan cabaran sama, termasuk serangan disinformasi, sindiran dan *troll* yang mempertikai janji-janji pilihan raya mereka. Situasi ini mewujudkan tekanan terhadap kerajaan baharu untuk mempertahankan kredibiliti di mata rakyat. Menariknya, walaupun diserang secara terbuka di media sosial, kerajaan PH dan seterusnya Perikatan Nasional (PN) tidak mengambil langkah menapis atau mengawal media sosial, kemungkinan kerana ingin mengekalkan janji untuk mempertahankan kebebasan bersuara. Namun, ancaman berita palsu yang berunsur propaganda politik tidak boleh dibiarkan berterusan. Ia boleh mencetuskan ketidaktentuan politik dan mengganggu

keharmonian masyarakat jika tidak dikawal secara sistematik. Analisis terhadap empat kategori utama berita palsu – keselamatan dan ketenteraman awam, kestabilan politik, tadbir urus, dan ekonomi – menunjukkan bahawa penyebaran maklumat palsu mempunyai potensi besar dalam mengubah landskap politik negara. Sekiranya tidak ditangani, propaganda jahat di media sosial boleh menjadi bom jangka yang mengancam kestabilan negara.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan kewangan untuk penerbitan artikel ini melalui geran TAP K006263 di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Penghargaan turut diberikan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang memberikan kemudahan cuti belajar kepada penulis dan semua informan yang terlibat dalam sesi temu bual atas kesudian meluangkan masa serta memberikan input untuk menyempurnakan artikel ini.

BIODATA

Dzulpadzli Shaarin ialah pelajar PhD di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Email: dzulshaarin@gmail.com

Sity Daud, PhD ialah Profesor Ekonomi Politik dari Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Email: sitydaud@ukm.edu.my

Normah Mustaffa ialah Profesor di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Kini, beliau Pengarah di Penerbit UKM. Email: normahm@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Adibah Ismail. (2020). Media freedom and control in Malaysia: A comparative study. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3(13), 24-383.
- Adnan, M.H. (2015). Peranan media massa memartabatkan integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2(1), 57-74.
- Allcott, H., & Gentzkow, M. (2017). Social media and fake news in the 2016 election. *Journal of Economic Perspectives*, 31(2), 211-36.
- Ariestyani, K. (2019). Patterns of truth: Explaining trust, social media and truth in Indonesian contemporary politics. *KnE Social Sciences*, 3(20), 189–201.
- Astro Awani (Online). (2020, Februari 28). Penyebaran berita palsu boleh gugat keselamatan negara – Lee Lam Thye. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyebaran-berita-palsu-boleh-gugat-keselamatan-negara-lee-lam-thye-232050>
- Atif Ahmad, Nurul Huda, & Chang, S. (2010). Understanding the factors of Information leakage through online social networking to safeguard organizational information. *ACIS 2010 Proceedings*, 62.
- Badaruddin, & Mohammad Qayyum. (2018). *Sumpahan Teori Rahman*. Selangor: Casamas Resources Sdn. Bhd.
- Bakir, V., & McStay, A. (2018). Fake news and the economy of emotions: Problems, causes, solutions. *Digital Journalism*, 6(2), 154-175.
- Benkler, Y., Faris, R., & Roberts, H. (2018). *Network propaganda: Manipulation, disinformation, and radicalization in American politics*. Oxford University Press.
- Berita Harian (Online). (2016, Jul 21). 1MDB: Banyak tuduhan dibuktikan tidak benar – Salleh. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/07/175535/1mdb-banyak-tuduhan-dibuktikan-tidak-benar-salleh>
- Giannantonio, C. M. (2010). Review of Content analysis: An introduction to its methodology by K. Krippendorff (2nd ed.). *Organizational Research Methods*, 13(2), 392–394. <https://doi.org/10.1177/1094428108324513>
- Gomez, J. (2014). Social Media Impact on Malaysia's 13th General Election. *Asia Pacific Media Educator*. <https://doi.org/10.1177/1326365X14539213>
- Hayes, D. (2008). Does the messenger matter: Candidate-media agenda convergence and its effect on voter issue salience. *Political Research Quarterly*, 16(1), 134-146.
- Hunt, E. (2016, December 17). What is fake news? How to spot it and what you can do to stop it. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/media/2016/dec/18/what-is-fake-news-pizzagate>
- Idid, S. A., & Chang, P. K. (2012). The media and public agenda among the Malay and Chinese communities during the 2008 Malaysian General Elections. *Asian Social Science*, 8(5), 107-115.
- Jamieson, K. H., & Cappella, J. N. (2008). *Echo Chamber: Rush Limbaugh and the conservative media establishment*. Oxford University Press.
- Jervis, R. (1976). *Perception and misperception in international politics*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Kalang, F. (2018). *Cabaran media sosial dalam masyarakat dalam memastikan kestabilan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.

- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Sage Publication.
- Ku Syafiq Ku Fozi. (2018, May 9). Jawapan SPR untuk 10 fitnah dan isu tular hari pengundian PRU-14. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2018/05/jawapan-spr-untuk-10-fitnah-dan-isu-tular-hari-pengundian-pru-14/>
- Lazer, D. M. J., Baum, M. A., Benkler, Y., Berinsky, A. J., Greenhill, K. M., Menczer, F., ... & Zittrain, J. L. (2018). *The Science of Fake News*. *Science*, 359(6380), 1094-1096.
- Lewandowsky, S., Ecker, U. K. H., & Cook, J. (2017). Beyond misinformation: Understanding and coping with the "post-truth" era. *Journal of Applied Research in Memory and Cognition*, 6(4), 353-369.
- Mahmud, W. A. W., & Pitchan, M. A. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1).
- Mahyuddin Daud, & Sonny Zulhuda. (2018). *Dissemination of false content online in Malaysia: A legal update*. Paper presented at the 7th International Conference on Law and Society (ICLAS 7), Kota Kinabalu, Sabah.
- Maksum, A. (2020). 1MDB (1 Malaysia Development Berhad), scandal, and its impact on Malaysian domestic politics. *POLITIKA, Jurnal Ilmu Politik*, 11(2), 198- 218.
- MalaysiaKini (Online). (2016, Julai 9). Salleh Keruak: Sarawak Report misled public on 1MDB audit findings. <https://www.malaysiakini.com/news/348024>
- Malaysiakini (Online). (2017, September 14). PM jumpa Trump: Kita rasa malu, Najib senyum saja. <https://www.malaysiakini.com/news/395137>
- McCombs, M., & D. L. Shaw. (1972). The agenda-setting functions of the mass media. *Public Opinion Quarterly*, 36, pp. 176-87.
- Mohamad Faisol Keling. (2018, May 12). Antara faktor kekalahan BN, kemenangan bermakna PH. *Utusan Malaysia*. https://www.utusan.com.my/nasional/2018/05/antara-faktor-kekalahan-bn-kemenangan-bermakna-ph/#google_vignette
- Mohd Ayob Abd Razid. (2017, September 26). Sekat penyebaran berita palsu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolmnis/2017/09/330307/sekat-penyebaran-berita-palsu>
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2014). The social media election in Malaysia: The 13th General Election in 2013. *Kajian Malaysia*, 32(2), 123–147.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2018). *The emergence of new politics in Malaysia revisited*. Paper presented at the Eleventh International Malaysian Studies Conference (MSC11), Langkawi, Kedah.
- Mohd Husni Mohd Noor. (2018, May 8). BN jawab fitnah, berita palsu PRU-14. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/422990/bn-jawab-fitnah-berita-palsu-pru-14>
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor, & Jamaie Hj. Hamil. (2018). Politik, pengundi dan faktor Melayu/Bumiputera: Analisis terhadap kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *Jebat, Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 386-408.
- Muhamad Takiyuddin Ismail, & Amalin Sabiha. (2016). Pasca PRU-13 dan pembalikan politik lama. Dalam Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (pnyt.), *PRU-13: Kesenambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2018). Kejatuhan UMNO dalam Pilihan Raya ke-14: Analisis pengajaran politik. *Jebat, Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 319-342.

- Muhamad Takiyuddin Ismail, & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2018). Revolusi Senyap 9 Mei 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 161-185.
- Muhammad Arif, & Sity Daud. (2018). Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum Ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 343-366.
- Najib Aroff. (2018, April 28). Fake news! Ini 5 berita palsu sejak Parlimen dibubar. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/fake-news-ini-5-berita-palsu-sejak-parlimen-dibubar-174018>
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2018, January 28). Kerajaan Pusat akan kaji undang-undang sebar berita palsu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/381625/kerajaan-pusat-kaji-gubal-undang-undang-penyebaran-berita-palsu>
- Normah Mustaffa, Faridah Ibrahim, & Mus Chairil Samani. (2009). The effects of pictures on the order off accessing online war stories. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 25, 13-20.
- Normah Mustaffa, & Faridah Ibrahim. (2018). Pembungkahan visual berita krisis Lahad Datu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 170-184.
- Nurul Iwan, & Norhafiza Mohd Hed. (2023) Definisi dan tipologi istilah politik Laskar Siber di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(3), 81-100.
- Pennycook, G., & Rand, D. G. (2019). The implied truth effect: Attaching warnings to a subset of fake news stories Increases *Perceived Accuracy of Stories Without Warnings*. *Management Science*, 66(11), 4944-4957.
- Pepinsky, T. B. (2013). The new media and Malaysia politics in historical perspective. *Contemporary Southeast Asia*, 35(1), 83-103.
- Raja Noraina Raja Rahim. (2020, January 27). Jangan sebar berita tidak sahih. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/538818/jangan-sebar-berita-tidak-sahih>
- Sebenarnya.my. (2018, Mac 7). KWSP lakukan pemindahan dana dan bon simpanan dalam jumlah yang besar melalui kaedah penipuan? <https://sebenarnya.my/kwsp-lakukan-pemindahan-dana-dan-bon-simpanan-dalam-jumlah-yang-besar-melalui-kaedah-penipuan/>
- Sebenarnya.my. (2018, Mei 6). Petugas SPR membawa kertas undi keluar. <https://sebenarnya.my/petugas-spr-membawa-kertas-undi-keluar/>
- Sebenarnya.my. (2019, Disember 17). JPPM luluskan pendaftaran Persatuan Melayu Murtad? <https://sebenarnya.my/jppm-luluskan-pendaftaran-persatuan-melayu-murtad>
- Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Harliana Halim, & Noranifitri Md Nor. (2020). Impak penyebaran berita palsu melalui media sosial terhadap masyarakat: Kajian kes mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55–63.
- Shan, G. P., & Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2017). The impact of fake news on political perception in Malaysia: A case study of the 14th General Election. *Journal of Media and Information Warfare*, 10, 15-29.
- Siti Nurshahidah Sah Allam, Normah Mustaffa, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2024). Pengaruh kemahiran literasi media dalam konteks pengundi muda baharu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(2), 224-246.

- Sity Daud. (2021). The COVID-19 pandemic crisis in Malaysia and the social protection program. *Journal of Developing Societies*, 37(4), 480-501.
- Sivanandam, H., Carvalho, M., & Chu, M. M. (2018). Still haunted by fake news incident. *The Star Online*.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issues 1, 214–226.
- Sunstein, C. R. (2018). *#Republic: Divided democracy in the age of social media*. Princeton University Press.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. (2016). Laporan tahunan 2016. <https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/publications/annual-reports/test>
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Kenyataan media: Orang ramai diminta tidak terpengaruh dengan mesej palsu berkaitan proses pilihan raya yang tular di media sosial. Bil. 33/2018. <https://ppn.spr.gov.my/perlis/wp-content/uploads/2018/04/Bil.33-Kenyataan-Media-Orang-Ramai-Diminta-Tidak-Terpedaya-Dengan-Mesej-Tular-di-Media-Sosial.pdf>
- Syed Farid Alatas. (1999). Peranan negara dan pembangunan: Ke arah sebuah teori negara Kleptokratis. *Akademika*, 54(1), 3-12.
- Tracy, S. J. (2013). *Qualitative research methods: Collecting evidence, crafting analysis, communicating impact*. Wiley-Blackwell.
- Van Gorp, B. (2007). The constructionist approach to framing: Bringing culture back in. *Journal of Communication*, 57(1), 60–78.
- Wardle, C. (2017, February 17). Fake news. It's complicated. *Medium*. <https://medium.com/1st-draft/fake-news-its-complicated-d0f773766c79>